

17 DEC 1998

MAHATHIR-DANA/I

M'SIA TIDAK AKAN AMBIL S\$4BIL PINJAMAN DARI SINGAPURA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E. Sivabalan

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Malaysia telah memutuskan untuk tidak menerima tawaran Singapura sebanyak AS\$4 bilion pinjaman (AS\$1=RM3.80) bagi membantu mengatasi masalah kewangannya kerana tiada keperluan sebenar sekarang untuk pinjaman, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

"Oleh kerana itu, kita telah memutuskan bahawa sebalik mengaitkan bekalan air dengan pinjaman, kita patut mengaitkan bekalan air dengan penyelesaian masalah keretapi," beliau memberitahu pemberita pada akhir lawatan empat hari ini ke Vietnam di mana beliau menghadiri Sidang Kemuncak Asean Keenam.

Dr Mahathir merujuk kepada permintaan Singapura supaya melanjutkan perjanjian airnya yang sedia ada dengan Malaysia melangkaui 2061 dan alasan Malaysia menyokong tuntutan itu bagi hak undang-undang untuk mengekalkan kemudahan-kemudahan Kastam, Imegeresen dan Karantinanya di stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad di Tanjung Pagar, Singapura.

Dr Mahathir berkata sungguhpun Malaysia telah meminta pinjaman dari Singapura, tiada keperluan sebenar untuknya sekarang.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong asal hari ini yang Malaysia telah memutuskan untuk tidak memperolehi dana dari Singapura kerana ia kini mampu memperolehinya secara berdikari.

Goh memberitahu demikian kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir di sini hari ini.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata di Kuala Lumpur pada 5 Nov lalu bahawa Malaysia akan memperolehi dana dari Singapura melalui penjualan bon.

Goh juga berkata hari ini bahawa memandangkan Malaysia tidak perlu untuk memperolehi dana dari Singapura, isu bekalan air akan dibincangkan secara berasingan.

Singapura, tambah Goh, pada awalnya mencadangkan janji niaga dana untuk air dengan Malaysia.

Ditanya mengenai kenyataan Goh bahawa Singapura dan Malaysia telah bersetuju mengusahakan satu persetujuan pakej berkata beberapa isu dua hala yang masih belum diselesaikan mereka termasuk kemudahan-kemudahan Kastam, Imigeresen dan Karantina, Dr Mahathir berkata beliau mencadangkan pakej yang dirasakannya adalah yang terbaik agar kedua-dua negara menyelesaikan masalah mereka bersama dan tidak secara berasingan.

Ditanya sekiranya beliau dan Goh berbincang mengenai Singapura memberikan lanjutan seterusnya kepada tarikh akhir 15 Dis bagi Malaysia mengemukakan alasan undang-undang bertulis untuk menyokong tuntutan itu terhadap hak undang-undang untuk mengekalkan kemudahan CIQ itu di Tanjung Pagar, Dr Mahathir berkata: "Tiada ada apa-apa dikatakan mengenai memberi masa kecuali yang kita mahu menyelesaikan masalah itu."

Goh telah berkata bahawa sementara janji pakej itu sedang diselesaikan, Singapura mungkin melanjutkan tarikh akhir bagi Malaysia mengemukakan alasan bertulisnya mengikut undang-undang.

Goh berkata selain daripada kemudahan-kemudahan CIQ, pakej itu akan juga termasuk permintaan Singapura untuk air dan penggunaan ruang udara Malaysia bagi jet-jet Tentera Udara Singapura; permintaan Malaysia bagi pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pusat bagi rakyat Malaysia dari semenanjung; dan langkah oleh kerajaan Malaysia tidak membenarkan dagangan saham-saham di Central Limit Order Book (CLOB) Singapura.

Dr Mahathir berkata Singapura patut membenarkan Malaysia membangunkan beberapa bidang tanah dimilikinya di Tanjung Pagar "sesetengah melalui usaha sama dengan Singapura dan sesetengah bagi mendirikan kemudahan-kemudahan baru keretapi."

Mengenai bekalan air kepada Singapura, Dr Mahathir berkata sungguhpun Malaysia memberi persetujuan kepada Singapura bahawa ia akan terus membekal air walaupun selepas 2061, "syarat-syarat perlu dikaji sama ada kita patut terus membekal air mentah atau dengan air dirawat, apakah balasan mereka untuk pemberian kita dan sebagainya."

Ditanya sama ada sukar untuk menyelesaikan masalah-masalah di antara kedua-dua negara termasuk bekalan air memandangkan ia adalah isu berasingan, Dr Mahathir berkata isu-isu itu semuanya berkaitan.

"Bagaimanapun, kita mahu menyelesaikan masalah itu dengan muktamad. Jika kita selesaikan satu masalah dan dibiarkan yang lain, maka perhubungan akan masih terjejas.

"Kita ada beberapa pandangan mengenai cari untuk menyelesaikannya," tambahnya. -- BERNAMA

ES MFJ OS